

19/01/2003

Pas mulai bimbang perubahan pucuk pimpinan Umno Kelantan

GUA MUSANG: Pas mulai bimbang dengan perubahan pucuk pimpinan Umno Kelantan yang dilihat sebagai strategi untuk menentang habis-habisan parti

pembangkang itu bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ini kerana perubahan itu disifatkan barisan yang kuat dan mampu menggerakkan seluruh jentera Umno bagi merampas semula pemerintahan kerajaan negeri daripada Pas.

Ketua Penerangan Umno bahagian Gua Musang, Norzula Mat Diah berkata, perubahan itu juga sekali gus mencabar keangkuhan Pas untuk terus mengekalkan kuasa pemerintahannya di negeri ini.

Beliau berkata, selepas pengumuman Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad berhubung perubahan kepimpinan baru Badan Perhubungan Umno Kelantan Khamis lalu, pucuk pimpinan Pas khususnya di negeri ini mulai tidak senang hati.

Malah, kata beliau pelbagai andaian baru dibuat pemimpin Pas semata-mata

untuk menagih simpati rakyat kononnya parti itu masih kuat walaupun berhadapan dengan risiko kekalahan.

"Kini pemimpin Pas mula membuat kenyataan angkuh dan tidak berasas selepas Perdana Menteri melakukan lawatan kerja selama dua hari ke negeri

ini minggu lalu dan membuat rombakan dalam barisan kepimpinan Badan Perhubungan Umno negeri ini.

"Kita tengoklah sejauh mana Pas mampu terus mempengaruhi rakyat yang menggunakan taktik berbohong berikutan perubahan dalam dalam Umno Perhubungan yang dilihat barisan yang kuat untuk merampas semula Kelantan

pada pilihan raya umum kali ini," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini, yang mendakwa Pas tidak gentar menghadapi perubahan pucuk pimpinan Umno negeri.

Nik Abdul Aziz berkata, langkah Umno Kelantan memperkemas kepimpinan

baru dengan melantik muka baru tidak akan menjejaskan peluang Pas untuk kekal berkuasa.

Beliau mendakwa, Pas tidak takut dengan langkah terbaru Umno itu dan tidak mempunyai sebab untuk berasa gusar kerana apa yang berlaku cuma perubahan pemimpin bukan dasar dan perjuangan parti itu.

Norzula yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paloh berkata, kenyataan Nik Abdul Aziz itu hanya untuk sedap bercakap, sebaliknya beliau

sendiri bimbang dengan strategi Umno yang disusun rapi kebelakangan ini.